

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

“Amanah: Tiada tolak ansur,” kata Dr M

“AMANAH: Tiada tolak ansur,” kata sebuah kepala di Berita Harian April 20, 1982. Berita berikutan berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran kepada wakil rakyat Barisan Nasional yang dipilih bahawa penadbirannya tidak akan bertolak ansur terhadap mereka yang tidak amanah.

Perdana Menteri menegaskan, mereka yang pecah amanah akan menghadapi masalah sendiri di samping menjatuhkan imej parti dan negara. (Mini-komen: Selain dari itu, mereka akan jua menerima “balasan” yang sewajar di dunia yang satu lagi nanti...)

Bellau menegaskan demikian ketika memberi ceramah kepada penyokong-penyokong Barisan Nasional di Kelab Sultan Sulaiman bagi menyokong calon BN Setapak, Encik Idris Basri.

* * *

Komen Penulis:

Menilik dari latarbelakang Dr. M dan kepada apa yang telah dilaksanakannya sejak bellau mula memegang teraju Kerajaan, amaran bellau itu tidaklah boleh dianggap sebagai “gimmick” pilihanraya atau amaran “kosong” semata-mata. Sebab: Dr. M bukanlah termasuk ke dalam kategori pemimpin hipokrit, yang mahu “orang-orang bawahan” berkeadaan bersih, sementara tangan sendiri berlumuran lumpur!

Maksud: Para pembaca sedia maklum tentang langkah-langkah berani yang telah diambil oleh Dr. M dalam usahanya mewujudkan Kerajaan yang benar-benar bersih, cekap dan amanah dan dengan itu tidaklah perlu bagi penulis mengisahkan satu demi satu.

Mengenai “latarbelakang” pula, mengikut pengumuman yang dibuat oleh “Pak Joe” (jika penulis tak silap) — iaitu salah seorang dari tiga “partner” dalam perusahaan jual buah di Pekan Rabu Alor Setar, di waktu Jepun dahulu — bahawa “Che Det” (gelaran Dr. M di masa bellau muda-muda dahulu) di waktu muda lagi udah mempunyai sifat amanah yang paling tinggi, sehingga dipercayai menyimpan wang “Syarikat Joe, Nana dan Det” oleh partner yang dua orang lagi, iaitu Pak Joe dan Nana. Dan ini adalah di zaman pemerintahan Jepun, bila seperti penulis sebutkan tidak lama dahulu kebanyakan orang terhormat dan yang lebih tua dari “Che Det” (termasuk mereka yang memakai kopiah putih dan sereban) telah terlupa samasekali makna amanah dan kejujuran!

Kesimpulan: Rakyat merangkap pengundi (yang berpendirian rasional dan berjiwa bersih) dan yang benar-benar menghormati dan cintakan Kerajaan bersih, cekap dan amanah, yakni yang diketuai oleh pemimpin-pemimpin bertanggungjawab, yang boleh diamanahkan dengan hasil negara dan kuasa, tentu sekali tahu mana satu parti atau gabungan parti yang akan menjadi pilihan mereka, yakni untuk diberi

sokongan berupa undi, bila mereka membuang undi esok.